



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

**POLITEKNIK BANTING SELANGOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

Persiaran Ilmu
Jalan Sultan Abdul Samad
42700 Banting
SELANGOR DARUL EHSAN



Tel : 03-3120 1625
Faks : 03-3120 1706
Laman Web : www.polibanting.edu.my
Facebook : politeknik.edu

Rujukan kami : PBS/HEP/600-1/9 JLD 2 (92)
Tarikh : 8 Mac 2018

Semua Pelajar Senior,

Saudara / Saudari,

PENDAFTARAN LAPOR DIRI PELAJAR SENIOR BAGI SESI JUN 2018

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Proses pendaftaran adalah seperti urutan berikut:-

- a) Pelajar perlu menyemak dan mencetak keputusan peperiksaan melalui sistem SPMP.
- b) Membuat pembayaran yuran pengajian, yuran Kolej Kediaman dan bayaran pelbagai di mana-mana cawangan **BANK ISLAM** selewat-lewatnya **26 Jun 2018 (Selasa)**. Jumlah bayaran adalah seperti jadual berikut :

1.	BIMB1: Yuran Pengajian Jumlah : RM 200.00	No. Akaun :	POLITEKNIK KPT
2.	BIMB2: Yuran Kolej Kediaman Jumlah : RM 630.00		
3.	BIMB3 : Bayaran Pelbagai Jumlah = RM 150.00 (Semester 2,3,4,5,7,8,9)	No. Akaun :	12074010066261 Koperasi Politeknik Banting Selangor Bhd (HEP) *Sila laksanakan bayaran di kaunter Bank Islam sahaja
Sila rujuk kaedah bayaran yuran pengajian seperti di lampiran 1 .Pastikan JUMLAH yang dibayar adalah TEPAT dengan Rujuk Maklumat Bayaran di dalam jadual bayaran.			

- c) Selepas 48 jam bayaran dibuat sila laksanakan **pra-pendaftaran secara online** melalui sistem SPMP.
- d) Pendaftaran Kursus akan diadakan pada **29 Jun 2018 (Jumaat)** mulai jam **8.30 pagi** di Jabatan Induk (Sila rujuk Penasihat Akademik). Sila bawa bersama-sama maklumat berikut semasa mendaftar :
 - i. Slip keputusan peperiksaan,
 - ii. Resit asal dan resit salinan bayaran (yuran pengajian, yuran kolej kediaman, bayaran pelbagai)
 - iii. Slip pendaftaran kursus (cetak dari SPMP)



- e) Pendaftaran Kolej Kediaman akan diadakan pada :
- i. Jabatan Penyelenggaraan Pesawat **28 Jun 2018 (Khamis)** mulai jam **9.00-4.00 ptg**
 - ii. Jabatan Kejuruteraan Mekanikal **29 Jun 2018 (Jumaat)** mulai jam **9.00-4.00 ptg**

Sila bawa bersama perkara berikut semasa mendaftar:

- i. Borang Pendaftaran Masuk/keluar kolej kediaman wajib dihantar semasa pendaftaran (tanpa borang kunci bilik tidak akan di serahkan).
- ii. 2 keping gambar berukuran passport
- iii. Bantal dan cadar
- iv. Salinan resit bayaran Kolej Kediaman

3. Pelajar akan **digugurkan status sebagai pelajar politeknik** sekiranya gagal melaksanakan pendaftaran politeknik, membayar yuran dan mendaftar kursus dalam tempoh yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah


(DR. HJH. NORHAYATI BINTI ZAKARIA)

Pengarah
Politeknik Banting Selangor



**KAEDAH MEMBAYAR YURAN PENGAJIAN DI BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD
(BIMB)**

A PERBANKAN INTERNET

1. Layari www.bankislam.com.my
2. Klik logo "Internet Banking Login" dan tekan butang "ok" pada "Security Alerts"
3. Masukkan ID pengguna dan kata laluan untuk memasuki sistem Perbankan Internet Bank Islam.
4. Pilih "Bill Presentment" pada bahagian "Bill Payment".
5. Pilih **POLITEKNIK KPT** pada bahagian senarai Universiti.
6. Masukkan No Kad Pengenalan pada ruang Kad Pengenalan dan klik "next"
7. Senarai bil akan dipaparkan. Pilih bil yang hendak di bayar dan klik "pay"
8. Maklumat bil yang hendak dibayar akan dipaparkan. Pilih "source account" yang hendak di debitkan and sahkan jumlah amaun yang hendak di bayar dan klik "pay"
9. Skrin berikutnya akan menyenaraikan maklumat bayaran yang perlu disahkan.
10. Klik "Confirm" untuk menuruskan pembayaran atau sebaliknya.
11. Skrin berikut akan menunjukkan makluman bayaran yang telah dilakukan. Pelanggan adalah dinasihatkan untuk **membuat salinan makluman bayaran** yang dilakukan sebagai rujukan.



KAEDAH MEMBAYAR YURAN PENGAJIAN DI BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB)

B MESIN ATM BANK ISLAM

1. Pilih menu LAIN-LAIN
2. Pilih menu PEMBAYARAN BIL / YURAN IPT
3. Pilih menu YURAN IPT
4. Pilih Akaun Pembayar (akaun yang akan didebit)
5. Masukkan No Kad Pengenalan Pelajar
6. Pilih Bil yang ingin dibayar
7. Sahkan amaun yang ingin dibayar
8. Transaksi selesai dan **ambil resit untuk dibawa pada hari pendaftaran**

C MESIN CASH DEPOSIT (CDM) BANK ISLAM

1. Pilih menu YURAN IPT
2. Masukkan No Kad Pengenalan Pelajar
3. Pilih POLITEKNIK KPT
4. Sahkan data dan masukkan wang
5. Sahkan jumlah kemasukkan wang
6. Transaksi selesai dan **ambil resit untuk dibawa pada hari pendaftaran**

*Pastikan resit asal dan satu salinan di bawa semasa hari pendaftaran